

**HUBUNGAN TAHAP STRES DENGAN KECENDERUNGAN HENDAK  
BERHENTI KERJA DI KALANGAN GURU-GURU  
DI DAERAH KUBANG PASU, KEDAH**

**TAN CHYN HORNG**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

## UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**◆

**JUDUL: HUBUNGAN TAHAP STRES DENGAN KECENDERUNGAN HENDAK  
BERHENTI KERJA DI KALANGAN GURU-GURU DI DAERAH  
KUBANG PASU, JITRA**

SESI PENGAJIAN : 2005/2006

Saya TAN CHYN HORNG  
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/ Doktor falsafah)\* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. \*\* Sila tanda (√)

**SULIT**

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

**TERHAD**

(Mengandungi maklumat **TERHAD** yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan dijalankan)

**TIDAK TERHAD**

  
\_\_\_\_\_  
(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap:

No.139, Taman Melur,  
Jln Wang Tepus, 06000,  
Jitra, Kedah.

Disahkan oleh  
  
\_\_\_\_\_  
(TANDATANGAN PENYELIA)

PROF. MADYA SYED MOHD SHAFEQ BIN  
SYED MANSOR ALHABSHI


(Nama Penyelia)

Tarikh : 18 April 2006

Tarikh : 18-04-06

- CATATAN :
- \* Potong yang tidak berkenaan.
  - \*\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa /organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
  - ◆ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM)

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Elektrik)”.

Tandatangan :  .....

Nama Penyelia : Prof. Madya Syed Mohd Shafeq B Syed Mansor Alhabshi

Tarikh : 21 April 2006

HUBUNGAN TAHAP STRES DENGAN KECENDERUNGAN HENDAK  
BERHENTI KERJA DI KALANGAN GURU-GURU  
DI DAERAH KUBANG PASU KEDAH

TAN CHYN HORNG

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan.  
(Kejuruteraan Elektrik)

FAKULTI PENDIDIKAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

APRIL 2006

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.”

Tandatangan :   
Nama Penulis : Tan Chyn Horng  
Tarikh : 18 April 2006

## DEDIKASI

Buat ayah dan ibu yang tersayang...

... terima kasih atas doa, nasihat dan sokongan moral yang diberikan sepanjang saya  
menuntut ilmu di Universiti Teknologi Malaysia

Buat kakak-kakak dan adik yang dikasihi...

doa, sokongan dan material yang anda berikan sentiasa dalam ingatan

## PENGHARGAAN

Saya ingin mengambil peluang di sini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia tesis saya iaitu Prof. Madya Syed Mohd. Shafeq Bin Syed Mohd. Mansor Alhabshi atas bimbingan, tunjuk ajar dan dorongan beliau dalam sepanjang masa saya untuk menyiapkan tesis ini.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada pihak sekolah yang terlibat iaitu, Sekolah Menengah Kebangsaan Jitra, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Mahawangsa, dan Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Nyior. Kerjasama dan bantuan daripada mereka amatlah dihargai.

Tidak lupa juga saya merakamkan penghargaan kepada rakan-rakan saya yang sentiasa memberi sokongan moral sepanjang saya menyiapkan tesis ini. Sekian, terima kasih.

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti hubungan stres dengan kecenderungan hendak berhenti kerja di kalangan guru-guru di Daerah Kubang Pasu, Kedah. Seramai 258 orang guru diambil secara rawak mudah terlibat dalam kajian ini. Soal selidik ini mengandungi “Job Related Tension” untuk mengukur tahap stres, manakala untuk mengukur kecenderungan hendak berhenti kerja pengkaji menggunakan “Propensity To Leave Index”. Sementara itu, data-data yang diperolehi telah diproses dan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS 11.5 (Statistical Package For Sosial Science). Data yang diperolehi dianalisa dengan menggunakan statistic deskriptif dan inferensi. Secara keseluruhannya, kekuatan hubungan tahap stres dengan kecenderungan hendak berhenti kerja berada pada tahap yang rendah dalam kajian yang dijalankan.

## **ABSTRACT**

This research was done to identify the relationship of stress and the intention to leave the job among teachers in district of Kubang Pasu, Kedah. There are 258 samples have been taken randomly in this research. The questionnaire contents Job Related Tension for stress measurement, while Propensity To Leave Index is used by researcher to measure the intention to leave the job among teachers. The data were collected and processed using SPSS 11.5 software (Statistical Package For Social Science for Windows Release 11.5). The collections of data are analyzed using descriptive and inference statistic. As a conclusion, analysis shows that low relationship of stress and the intention to leave the job among teachers.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
	<b>BORANG PENGESAHAN TESIS</b>	
	<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>	
	<b>JUDUL</b>	i
	<b>PENGAKUAN DIRI</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvi
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvii
<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	6
	1.4 Objektif Kajian	7
	1.5 Persoalan Kajian	8
	1.6 Hipotesis Kajian	10

1.7	Model Kajian	14
1.8	Kepentingan Kajian	15
1.9	Skop Kajian	16
1.10	Definisi Konsep	17
	1.10.1 Guru	17
	1.10.2 Stres	17
	1.10.3 Sekolah	18
	1.10.4 Kecenderungan hendak berhenti kerja	18
1.11	Kesimpulan	18
<b>2</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>	
2.1	Pengenalan	19
2.2	Konsep Stres	20
2.3	Tahap Stres	21
2.4	Punca- Punca Yang Mempengaruhi Stres	22
	2.4.1 Masalah Pelajar	23
	2.4.2 Beban Tugas	24
	2.4.3 Peraturan Sekolah	24
	2.4.4 Hubungan Interpersonal	25
2.5	Stres Dari Segi Demografi	25
	2.5.1 Jantina	26
	2.5.2 Status Perkahwinan	26
	2.5.3 Pengalaman Mengajar	27
2.6	Kecenderungan Hendak Berhenti Kerja	27
2.7	Kesimpulan	28
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1	Pengenalan	29
3.2	Rekabentuk Kajian	29

3.3	Prosedur Kajian	30
3.4	Pembolehkan Kajian	31
3.5	Tempat Kajian	32
3.6	Populasi Dan Sampel Kajian	32
3.7	Instrumen Kajian	34
3.7.1	Bahagian A – Demografi	35
3.7.2	Bahagian B – Tahap Stres (Job Related Tension)	35
3.7.2.1	Kebolehpercayaan Alat Ukur Tahap Stres	35
3.7.2.2	Permarkatan Indeks Tahap Stres	36
3.7.3	Bahagian C – Punca Stres (Job Related Tension Index)	37
3.7.3.1	Kebolehpercayaan dan Kesahan Alat Ukur Punca Stres	38
3.7.3.2	Cara Permarkatan “ Indeks Punca Stres ”	39
3.7.4	Bahagian D – Kecenderungan Hendak Berhenti Kerja (Propensity To Leave Index)	41
3.8	Hubungan Tahap Stres Dengan Kecenderungan Hendak Berhenti Kerja	43
3.9	Analisis Data	43
3.10	Kesimpulan	44

## **4 ANALISIS DATA**

4.1	Pengenalan	45
4.2	Bahagian A : Latar Belakang Responden	47
4.3	Analisis Deskriptif Subjek	49
4.3.1	Analisis Deskriptif Tahap Stres	49
4.3.2	Keputusan Analisis Deskriptif Punca Stres	50

4.3.3	Keputusan Analisis Deskriptif Kecenderungan Hendak Berhenti Kerja	56
4.4	Bahagian B : Laporan Analisis Inferensi	57
4.5	Kesimpulan	82
<b>5</b>	<b>RINGKASAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pengenalan	83
5.2	Perbincangan Analisis Deskriptif Tahap Stres	84
5.3	Perbincangan Faktor Demografi Dengan Tahap Stres	85
5.4	Perbincangan Analisis Deskriptif Dengan Punca Stres	86
5.5	Perbincangan Faktor Demografi Dengan Punca Stres	88
5.6	Perbincangan Analisis Deskriptif Dengan Kecenderungan Hendak Berhenti Kerja	89
5.7	Perbincangan Faktor Demografi Dengan Kecenderungan Hendak Berhenti Kerja	89
5.8	Perbincangan Hubungan Antara Tahap Stres Dengan Kecenderungan Hendak Berhenti Kerja	90
5.9	Cadangan Tindakan	90
5.10	Cadangan Akan Datang	92
5.11	Kesimpulan	93
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	94
	<b>LAMPIRAN A-D</b>	99

## SENARAI JADUAL

NO.JADUAL	TAJUK	HALAMAN
3.1	Pecahan item mengikut bahagian	30
3.2	Pembolehubah tidak bersandar	31
3.3	Pembolehubah bersandar	31
3.4	Bilangan guru dan Sekolah Menengah Kebangsaan di Daerah Kubang Pasu, Kedah	33
3.5	Nilai alpha alat ukur tahap stres oleh pengkaji yang lepas	36
3.6	Jadual pemberian markat skor bagi tahap stres	37
3.7	Alat ukur bahagian C – punca stres	38
3.8	Nilai alpha alat ukur punca stres dan pengkaji yang lepas	39
3.9	Pembahagian skor punca stres	39
3.10	Jadual pemberian markat bagi indeks punca stres	40
3.11	Jadual pemberian markat bagi indeks kecenderungan hendak berhenti kerja	41
3.12	Jadual pemberian markat skor bagi tahap kecenderungan hendak berhenti kerja	42
3.13	Pembahagian anggaran kekuatan perhubungan antara dua Pembolehubah	43
4.1	Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut jantina	48
4.2	Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut status perkahwinan	48

4.3	Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut pengalaman	48
4.4	Keputusan analisis tahap stres dalam bilangan dan peratusan di kalangan responden	49
4.5	Keputusan analisis deskriptif punca stres di kalangan guru-guru	50
4.6	Min, sisihan piawai dan peratus bilangan responden menjawab Setiap item di sub skala (peraturan sekolah)	51
4.7	Min, sisihan piawai dan peratus bilangan responden menjawab setiap item di sub skala (beban tugas)	52
4.8	Min, sisihan piawai dan peratus bilangan responden menjawab setiap item di sub skala (hubungan interpersonal)	53
4.9	Min, sisihan piawai dan peratus bilangan responden menjawab setiap item di sub skala (masalah pelajar)	55
4.10	Keputusan analisis kecenderungan hendak berhenti kerja dalam bilangan dan peratusan di kalangan responden	56
4.11	Keputusan analisis ujian-t tahap stres antara guru lelaki dan guru perempuan	57
4.12	Keputusan analisis ujian-t tahap stres antara guru sudah berkahwin dan guru belum berkahwin	58
4.13	Analisis skor min tahap stres mengikut kumpulan guru berpengalaman mengajar kurang atau sama10 tahun, 11 hingga 20 tahun dan lebih atau sama 21 tahun	59
4.14	Analisis ANOVA satu hala tahap stres mengikut pengalaman mengajar	60
4.15	Keputusan analisis ujian-t punca stres (peraturan sekolah) antara guru lelaki dan guru perempuan	61
4.16	Analisis ujian-t punca stres (peraturan sekolah) antara guru sudah berkahwin dan guru belum berkahwin	62
4.17	Analisis skor min punca stres (peraturan sekolah) antara guru berpengalaman mengajar kurang atau sama10 tahun, 11 hingga 20 tahun dan lebih atau sama 21 tahun	63

4.18	Analisis ANOVA satu hala punca stres (peraturan sekolah) mengikut pengalaman mengajar	64
4.19	Keputusan analisis ujian-t punca stres (beban tugas) antara guru lelaki dan guru perempuan	65
4.20	Analisis ujian-t punca stres (beban tugas) antara guru sudah berkahwin dan guru belum berkahwin	66
4.21	Analisis skor min punca stres (beban tugas) antara guru berpengalaman mengajar kurang atau sama10 tahun, 11 hingga 20 tahun dan lebih atau sama 21 tahun	67
4.22	Analisis ANOVA satu hala punca stres (beban tugas) mengikut pengalaman mengajar	68
4.23	Keputusan analisis ujian-t punca stres (hubungan interpersonal) antara guru lelaki dan guru perempuan	69
4.24	Analisis ujian-t punca stres (hubungan interpersonal) antara guru sudah berkahwin dan guru belum berkahwin	70
4.25	Analisis skor min punca stres (hubungan interpersonal) antara guru berpengalaman mengajar kurang atau sama10 tahun, 11 hingga 20 tahun dan lebih atau sama 21 tahun	71
4.26	Analisis ANOVA satu hala punca stres (hubungan interpersonal) mengikut pengalaman mengajar	72
4.27	Keputusan analisis ujian-t punca stres (masalah pelajar) antara guru lelaki dan guru perempuan	73
4.28	Analisis ujian-t punca stres (masalah pelajar) antara guru sudah berkahwin dan guru belum berkahwin	74
4.29	Analisis skor min punca stres (masalah pelajar) antara guru berpengalaman mengajar kurang atau sama10 tahun, 11 hingga 20 tahun dan lebih atau sama 21 tahun	75
4.30	Analisis ANOVA satu hala punca stres (masalah pelajar) mengikut pengalaman mengajar	76
4.31	Analisis ujian-t kecenderungan hendak berhenti kerja (PLI) antara guru lelaki dan guru perempuan	77

4.32	Analisis ujian-t kecenderungan hendak berhenti kerja (PLI) antara guru sudah berkahwin dan guru belum berkahwin	78
4.33	Analisis skor min kecenderungan hendak berhenti kerja (PLI) mengikut kumpulan guru berpengalaman mengajar kurang atau sama 10 tahun, 11 hingga 20 tahun dan lebih atau sama 21 tahun	79
4.34	Analisis ANOVA satu hala kecenderungan hendak berhenti kerja (PLI) mengikut kumpulan pengalaman mengajar	80
4.35	Analisis hubungan tahap stres dengan kecenderungan hendak berhenti kerja (PLI)	81

**SENARAI RAJAH**

<b>NO.RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
2.1	Sindrom Adaptasi Umum Oleh Seyle	20

**SENARAI SINGKATAN**

N	-	Jumlah
P	-	Signifikan
dk	-	Darjah Kebebasan
SL	-	Sisihan Piawai
Ho	-	Hipotesis Null
TP	-	Tidak Pernah
JS	-	Jarang Sekali
KK	-	Kadang-kadang
K	-	Kerap
AK	-	Amat Kerap
SMK	-	Sekolah Menengah Kebangsaan
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia
UKM	-	Universiti Kebangsaan Malaysia

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Borang soal selidik	
B	Surat kebenaran dari Kementerian Pendidikan Malaysia	
C	Surat kebenaran dari Jabatan Pelajaran Negeri	
D	Jadual Penentuan Saiz Sampel	

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Masyarakat yang maju dan saintifik adalah hasrat wawasan 2020 negara. Pendidikan merupakan wahana terpenting di dalam pembangunan sumber manusia ke arah pencapaian matlamat pembangunan negara. Dengan itu, Perhatian harus diberi kepada isu-isu permasalahan yang boleh menjadikan kekangan dalam pelaksanaan serta perubahan dalam pendidikan.

Profesion perguruan merupakan aset negara yang penting bagi menentukan hala tuju masa depan negara. Dalam Falsafah Pendidikan Guru menyatakan bahawa matlamat pendidikan guru adalah untuk menghasilkan guru yang berkualiti dari segi peribadi, profesional, sosial dan amalan tingkah laku, menguasai ilmu, kemahiran dan amalan nilai-nilai keguruan, serta berupaya mencapai kecemerlangan pendidikan untuk pengisian tuntutan wawasan Pendidikan dalam abad ke-21. Manakala pihak pentadbiran dan perancangan sentiasa mengharapkan supaya guru sentiasa mempunyai cita-cita

membina masyarakat yang bertamadun. Ini jelas menunjukkan bidang tugas guru menjadi semakin mencabar melangkaui kawasan sekolah walaupun tugas utamanya adalah mendidik, namun mereka turut dibebani dengan tugas lain seperti mentadbir, membimbing, membina kemahiran sosial, membentuk akhlak pelajar dan lain-lain lagi.

Guru memainkan peranan yang penting untuk memenuhi dasar pendidikan negara. Oleh itu, guru bukan sahaja perlu memperbaharui ilmu untuk disampaikan kepada anak didik mereka, malahan juga perlu memperlengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran dan ilmu. Dalam Majlis Konvokesyen Maktab Perguruan Ilmu Khas, di Cheras, Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran Datuk Ambrin Buang (berita harian, 7 mei 2005) telah menyatakan bahawa budaya kerja cemerlang bagi seorang guru perlu dicapai melalui empat aspek iaitu sikap, ilmu pengetahuan, kemahiran dan integriti. Manakala Penyelia Unit Bimbingan dan Kaunseling Jabatan Pelajaran Selangor, Ishak Naim (Harian Metro, 21 mac 2006), menyatakan bahawa guru sebagai tempat rujukan pelajar yang menghadapi masalah dan guru juga perlu memperlengkapkan diri dengan pelbagai kaedah untuk memujuk serta menyelesaikan masalah. Maka terbuktilah betapa pentingnya tanggungjawab sebagai seorang guru.

Menurut Presiden NUTP, Ismail Nihat (utusan 19 ogos 2005) mendakwa bahawa para guru kini terpaksa berdepan dengan perubahan demi perubahan dalam bidang pendidikan sehingga wujudnya beban yang keterlaluan. Contoh kewujudan beban guru ini adalah kerana peningkatan hasil jumlah guru yang tidak seimbang dengan peningkatan jumlah murid. Apabila terdapat guru yang tidak mampu melakukan tugas yang diamanahkan, maka guru tersebut akan terancam dengan stres, ketegangan dan juga 'burnout'. Marry Huang Soo Lee (2002), pernah menyatakan bahawa ketidakseimbangan yang terlalu besar antara permintaan dengan keupayaan untuk mengendalikan sesuatu bentuk pekerjaan akan mengakibatkan perkembangan emosi yang tidak sihat kepada individu terbabit. Oleh kerana setiap guru mempunyai tanggungjawab yang berbeza maka mereka juga akan menghadapi tahap stres yang berlainan.

Selain daripada beban tugas yang terus meningkat, guru-guru juga terpaksa menghadapi pandangan daripada masyarakat, di mana pengharapan masyarakat kepada mereka adalah sangat tinggi. Keadaan ini telah digawatkan lagi dengan berita-berita mengenai cara dendaan guru terhadap pelajar lalu menyebabkan waris campur tangan dalam masalah sekolah dan PIBG. Ada di kalangan waris dengan tanpa usul periksa mengheret guru ke mahkamah. Ini menambahkan lagi stres di kalangan guru.

Masalah-masalah ini secara tidak langsungnya telah menyebabkan stres di kalangan guru. Stres yang wujud ini pula akan menyebabkan tegangan dari segi psikologi, fisiologi dan perlakuan. Maka stres ini perlu diambil perhatian yang serius. Jika dapat dikenalpasti puncanya dari awal, maka bolehlah diatur strategi agar guru berkenaan tidak tergolong dalam golongan guru-guru yang tidak bersemangat, tiada motivasi, kecewa, tiada kepuasan kerja. Jika persoalan stres dibiarkan di kalangan guru, maka lahirlah guru yang telah dikuasai oleh stres. Bayangkan apa yang akan terjadi kepada pelajarnya kelak.

## **1.2 Latar belakang Masalah**

Dalam dewasa kini yang penuh dengan cabaran, manusia menggunakan seluruh potensi hidupnya untuk mencari makna kehidupan. Ini merangkumi hal-hal yang bersifat fizikal hinggalah kepada metafizik. Begitu juga guru dalam profesionnya, di mana guru-guru bersaing untuk memenuhi keperluan dan kepuasan dirinya dari segi prestasi. Perubahan ini berhubung dengan sikap guru yang mana perlu lebih positif seperti berempati, peramah, mempunyai emosi yang terkawal, lebih tekun, inovatif, komitmen, dedikasi dan sebagainya.

Arus perubahan yang ketara dan mendadak ini akan menimbulkan stres. contohnya seperti penggunaan Bahasa Inggeris dalam mata pelajaran matematik dan sains di sekolah rendah dan menengah bermula tahun 2003 oleh Kabinet (Berita minggu 21 Julai 2002). Rasional kerajaan melaksanakan dasar ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan penggunaan Bahasa inggeris di kalangan pelajar yang selama ini lemah dalam bahasa tersebut. Mahir menggunakan Bahasa Inggeris adalah merupakan satu tuntutan yang penting untuk menghadapi cabaran dunia globalisasi. Di sebalik hasrat murni kerajaan ini masalah stres mungkin timbul di kalangan guru-guru terutamanya bagi guru-guru matematik dan sains yang masih tidak dapat menguasai Bahasa Inggeris. Maka secara tidak langsungnya masalah stres akan wujud dalam diri mereka.

Selain daripada itu masyarakat kini yang begitu peka terhadap pencapaian akademik anak-anak mereka juga meningkatkan stres terhadap guru. Begitu juga kritikan dengan niat yang jahat daripada sesetengah pihak memburukkan lagi keadaan. Peningkatan salah laku pelajar dan kemerosotan disiplin pelajar dikaitkan dengan kemampuan guru mendidik dan membentuk akhlak pelajar. Tanggapan dan tuduhan yang melulu ini akan menambah lagi stres kepada guru. Soh (1987), jangkakan masyarakat terhadap guru adalah tinggi di mana berlakunya perubahan dalam masyarakat maka berubahlah suasana sekolah. Guru tertekan dan ini menjejaskan prestasi dan sikap guru.

Kejadian guru menghukum pelajar secara keterlaluan seperti menumbuk, terajang dan tampar pelajar ataupun sebaliknya, adalah gambaran guru-guru yang menghadapi ataupun menyebabkan guru menghadapi stres yang serius. Contohnya (Jelita, Jun 1998) Mohd Azraei Ismail meninggal didera guru. Ataupun satu kes lagi, dimana pelajar tingkatan tiga Sekolah Menengah Damansara Damai Satu, didakwa menendang, mengugut dan mengejar guru penolong kanan sekolah itu dengan sebatang kayu semasa guru tersebut memberi kaunseling kepada pelajar berkenaan berhubung

dengan kesalahan disiplin yang turut disertai oleh ibu pelajar berkenaan di sebuah bilik darjah. (berita harian, 3 mac 2005). Ini adalah di antara insiden yang berlaku dan menunjukkan fenomena atau membolehkan guru menuju ke arah stres yang serius.

Tahap stres berbeza di antara satu sama lain. Ukurannya sangat subjektif, maka manusia akan mencari sesuatu untuk kesempurnaan. Dengan stres yang dialami oleh guru-guru ini, tidakkah timbul rasa ingin berhenti kerja sebagai guru dan beralih kepada profesion lain? Pengkaji akan mengkaji bagi mendapatkan kepastiannya.

Mengikut teori penghijrahan ada dua faktor yang menyebabkan seseorang itu berpindah. Pertama faktor penolak iaitu masa dan kesabaran dan kedua faktor penarik iaitu gaji dan glamour. Faktor penolak dan penarik sesuatu kerjaya berkait rapat dan berjalan serentak. Jika faktor-faktor ini diaplikasikan dalam bidang perguruan, maka tidak hairanlah kenapa guru-guru ingin bersara awal. Ini adalah kerana guru yang mengalami stres tidak dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik semasa berkhidmat. Ini merugikan Negara kita yang sedang menuju kepada sebuah Negara berwawasan.

Stres sememangnya mudah dialami oleh sesiapa sahaja termasuk guru-guru di sekolah dalam dunia pendidikan. Sama ada guru berkenaan mengajar di bandar mahu pun di luar bandar. Oleh itu melalui kajian ini pengkaji akan cuba meninjau hubungan tahap stres dengan kecenderungan hendak berhenti kerja di kalangan guru-guru di tiga buah sekolah menengah kebangsaan Daerah Kubang Pasu, Kedah. Dengan adanya kajian ini diharap guru-guru dapat mengenalpasti punca-punca dan tahap stres mereka, seterusnya akan mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengatasi masalah ini.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Kajian telah menunjukkan bahawa bidang perguruan merupakan salah satu profesion yang berisiko tinggi akan mengalami stres ( Dunham dan Varma, 1998 ). Manakala menurut Wisniewski dan Gargiulo (1997) suasana pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah yang sentiasa di dalam keadaan stres akan kurang berkesan dan menimbulkan masalah disiplin dan mempengaruhi guru berkecenderungan untuk berhenti kerja.

Stres yang dihadapi oleh seseorang akan membawa kepada kesan konstruktif dan destruktif. Kesan konstruktif membawa maksud mendorong, memotivasikan manusia untuk meningkatkan prestasi dalam apa juga tindakan yang dilakukan. Manakala kesan destruktif pula akan membawa kepada keadaan negatif seperti penurunan motivasi kerja dan ketidakhadiran bertugas. Menurut Duo (1994), stres di tempat kerja seharusnya dielakkan kerana ia boleh menjejaskan organisasi

Menteri Pendidikan Dato'Seri Najib Tun Razak dalam satu temuramah bersama wartawan Berita Harian ; 5 Februari (1998), telah berkata ;

*“kementerian memahami ada guru berasa tertekan (stres) dengan bebanan tugas yang diberi terlalu banyak, sehingga mengganggu kelancaran proses pembelajaran di bilik darjah”.*

Kenyataan di atas menunjukkan bahawa jelas sekali terdapat gangguan stres yang perlu ditanggung oleh guru. Manakala stres yang berlaku pada guru-guru akan mendorong mereka untuk meninggalkan profesion perguruan. Menurut Kyriacou dan Sutcliffe (1979) ramai guru yang berhasrat untuk berhenti kerja adalah disebabkan terlalu banyak mengalami stres.

Daripada pernyataan masalah yang disenaraikan, penyelidik merasakan bahawa stres di kalangan guru wajar diberi perhatian. Di sini timbul persoalan sama ada stres berlaku pada guru-guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Kubang Pasu, Kedah? Kajian ini diharapkan dapat mengesan dan memperbaiki masalah stres di kalangan guru-guru bersesuaian dengan matlamat untuk meningkatkan lagi mutu kecemerlangan pendidikan negara.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Matlamat kajian ini secara umumnya adalah untuk meninjau hubungan tahap stres dan kecenderungan hendak berhenti kerja di kalangan guru-guru di tiga buah Sekolah Menengah Kebangsaan di Daerah Kubang Pasu, Jitra, Kedah. Manakala punca stres juga turut dikaji sebagai maklumat tambahan untuk kajian ini. Secara khususnya objektif kajian adalah seperti berikut:

- 1.4.1** Untuk mengenalpasti tahap stres di kalangan guru-guru di tiga buah Sekolah Menengah Kebangsaan di Daerah Kubang Pasu, Jitra, Kedah.
- 1.4.2** Untuk mengenalpasti perbezaan tahap stres dari segi demografi (jantina, status perkahwinan dan pengalaman mengajar).
- 1.4.3** Untuk mengenalpasti punca-punca utama yang boleh menyebabkan stres (peraturan sekolah, beban tugas, hubungan interpersonal dan masalah pelajar).

- 1.4.4** Untuk mengenalpasti perbezaan punca stres (peraturan sekolah, beban tugas, hubungan interpersonal dan masalah pelajar) dari segi demografi (jantina, status perkahwinan dan pengalaman mengajar).
- 1.4.5** Untuk mengenalpasti tahap kecenderungan hendak berhenti kerja di kalangan guru-guru di tiga buah Sekolah Menengah Kebangsaan di Daerah Kubang Pasu, Jitra, Kedah.
- 1.4.6** Untuk mengenalpasti perbezaan tahap kecenderungan hendak berhenti kerja dari segi demografi (jantina, status perkahwinan dan pengalaman mengajar).
- 1.4.7** Untuk mengenalpasti hubungan antara tahap stres dengan kecenderungan hendak berhenti kerja di kalangan guru-guru.
- 1.5 Persoalan Kajian**
- 1.5.1** Apakah tahap stres dikalangan guru-guru di tiga buah Sekolah Menengah Kebangsaan di Daerah Kubang Pasu, Jitra, Kedah?
- 1.5.2** Adakah terdapat perbezaan tahap stres dari segi demografi (jantina, status perkahwinan, dan pengalaman mengajar)?

- 1.5.3** Apakah punca-punca utama (peraturan sekolah, beban tugas, hubungan interpersonal dan masalah pelajar) yang menyebabkan stres di kalangan guru-guru di sekolah tersebut?
- 1.5.4** Adakah terdapat perbezaan punca stres (peraturan sekolah, beban tugas, hubungan interpersonal dan masalah pelajar) dari segi demografi (jantina, status perkahwinan, dan pengalaman mengajar)?
- 1.5.5** Apakah tahap kecenderungan hendak berhenti kerja dikalangan guru-guru di tiga buah Sekolah Menengah Kebangsaan di Daerah Kubang Pasu, Jitra, Kedah?
- 1.5.6** Adakah terdapat perbezaan tahap kecenderungan hendak berhenti kerja dari segi demografi (jantina, status perkahwinan, dan pengalaman mengajar)?
- 1.5.7** Apakah hubungan antara tahap stres dan kecenderungan hendak berhenti kerja dikalangan guru-guru di tiga buah Sekolah Menengah Kebangsaan di Daerah Kubang Pasu, Jitra, Kedah?